

'Saya tidak terlibat dengan Projek IC', kata Anwar
Malaysian Insider
1 Februari, 2013
Oleh Md Izwan

PETALING JAYA, 1 Feb — Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak tuduhan mengatakan beliau terlibat dalam pemberian kad pengenalan (IC) dan kerakyatan kepada pendatang asing di Sabah seperti yang didakwa mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad semalam.

Anwar (**gambar**) berkata tuduhan tersebut tidak berasas sama sekali serta menegaskan tiada bukti bagi mengaitkan dirinya secara langsung dengan Projek IC tersebut.

"Seperti saya katakan awal dulu, saya sedia disiasat," kata Anwar dalam satu sidang media di ibu pejabat PKR hari ini.

"Tidak pernah ada satu minit mesyuarat yang menunjukkan saya menghadiri mesyuarat Task Force, tidak pernah ada laporan yang dikemukakan kepada saya semasa memegang jawatan timbalan perdana menteri ataupun menteri kewangan ketika itu."

Menurut Anwar, operasi "Task Force" tersebut adalah dibawah bidang kuasa perdana menteri dan Dr Mahathir bertanggungjawab mengasaskan operasi tersebut, malahan beliau tidak dimaklumkan secara langsung sebarang maklumat melibatkan perkara tersebut.

"Operasi itu adalah khas yang dikendalikan oleh perdana menteri, oleh itu saya tidak pernah dimaklumkan tentang hal itu," tegas beliau lagi.

Dalam pada itu, Anwar juga mencabar Dr Mahathir untuk menafikan penglibatannya dan bertanggungjawab sebagai penggasas kepada "Task Force" dalam isu pemberian kad pengenalan dan kerakyatan di Sabah.

Semalam Dr Mahathir mengakui bekas timbalannya tersebut terlibat dalam memberikan IC dan kerakyatan kepada pendatang asing haram di Sabah walaupun tidak disuruh oleh beliau.

Dr Mahathir memberitahu beliau tidak pernah memberikan sebarang arahan kepada Anwar semasa memegang kuasa dibawah pentadbirannya untuk mengarahkan pegawai di Sabah memberikan IC dengan sewenang-wenangnya.

"Dia (Anwar) selalu mengambil langkah sendiri, kadangkala lebih daripada yang diarahkan," kata beliau.

"Selalu yang berlaku berbeza sama sekali dengan arahan daripada pihak atasan."

Awal Januari lalu, bekas pengarah JPN Sabah Ramli Kamarudin juga menuduh arwah Tan Sri Megat Junid Megat Ayub memberi arahan kepadanya untuk mengeluarkan resit membenarkan pendatang haram di Sabah mengundi dalam pilihan raya negeri pada tahun 1994.

Dr Mahathir, perdana menteri paling lama berkhidmat dari 1981-2003, telah dituduh menerajui "Projek IC", di mana kewarganegaraan didakwa diberikan kepada pendatang sebagai ganti kepada undi mereka.

Dalam sidang media pada 17 Januari lalu, Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Mohamed Azmin Ali mendedahkan terdapat rancangan untuk mengaitkan dan melibatkan ketua pembangkang tersebut dalam "Projek IC" di Sabah dan mereka akan memantau prosiding Suruhanjaya Di Raja (RCI) yang sedang berlangsung ketika ini.

Anwar minggu lalu turut menafikan bahawa beliau terlibat dengan projek IC di Sabah, dan bersedia untuk menjawab jika inkuiri RCI mengenai pendatang asing di Sabah itu memanggil beliau untuk memberi keterangan.

Menurut ketua pembangkang itu, sepanjang beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau tidak pernah terlibat secara langsung dalam hal tersebut dan menamakan bekas setiausaha politik Dr Mahathir, Tan Sri Aziz Shamsuddin, dan bekas timbalan menteri dalam negeri, Allahyarham Tan Sri Megat Junid Megat Ayub, sebagai peneraju utama projek tersebut.

"Saya sedia memberi keterangan jika dipanggil, saya yakin bahawa tidak ada apa-apa dengan saya," kata Anwar dalam sidang media di ibu pejabat PKR.

"Saya yakin saya tidak mempunyai kaitan langsung."

Pada tahun 1993-94, Anwar ketika itu berkhidmat bersama kerajaan Umno-Barisan Nasional memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan dan juga Timbalan Perdana Menteri sebelum dipecat pada tahun 1998 atas tuduhan skandal seks dan rasuah.

Akan tetapi bekas Ketua Menteri Sabah Tan Sri Harris Salleh, yang mentadbir negeri dari 1976 hingga 1985, menafikan kewujudan "Projek IC" tersebut.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-tidak-terlibat-dengan-projek-ic-kata-anwar/>